



Kementerian Wilayah Persekutuan

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KAYUHAN CERIA 2017  
DATARAN MERDEKA, KL**

**19 FEBRUARI 2017 (AHAD)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi**

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera dan Salam Wilayahku Ceria**

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam Program Kayuhan Ceria 2017 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017.
2. Program dan aktiviti yang dilaksanakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini dirangka dengan tujuan bagi menyemarakkan perasaan patriotik, perpaduan dan perasaan cinta kepada negara khususnya Wilayah Persekutuan ini.
3. Justeru, kita semua sebenarnya amat bertuah kerana Negara Malaysia sentiasa dalam keadaan aman dan damai yang membolehkan kita mengadakan pelbagai program pada bila-bila masa, beribadah dan beriadah dengan tenang dan selesa. Nikmat ini adalah hasil daripada perpaduan, sikap saling menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

4. Program Kayuhan Ceria 2017 merupakan program kali ke-6 yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) sejak diperkenalkan pada tahun 2012. Ianya juga merupakan kesinambungan daripada Program Konvoi Berbasikal 2016 di

Putrajaya yang telah mencatat kejayaan dalam *The Malaysia Book Of Records* sebagai Acara Kayuhan Basikal Teramai.

5. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan, mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas, mengeratkan silaturrahim, dan mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bersatu bersesuaian dengan slogan '**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**'. Pada tahun ini penganjuran program menyasarkan penyertaan seramai 6,000 orang.
6. Di samping itu, Program Kayuhan Ceria turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti sukan serta riadah melibatkan penyertaan pelbagai peringkat umur dan generasi. Pastinya Program Kayuhan Ceria 2017 ini akan menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di Wilayah Persekutuan.
7. Saya difahamkan penyertaan program pada hari ini adalah secara percuma dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat yang terdiri dari dua (2) kategori iaitu kategori terbuka dan kategori keluarga. Kategori terbuka untuk yang berumur 18 tahun ke atas dan merangkumi jarak laluan keseluruhan sepanjang 30 kilometer. Manakala kategori keluarga merangkumi jarak laluan keseluruhan sepanjang tujuh (7) kilometer yang akan menggunakan laluan program "*KL Car Free Morning*".

8. Untuk makluman, sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan turut menganjurkan Karnival IPT yang menyasarkan penyertaan pelajar IPT di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam acara sukan seperti futsal, bola jaring, ping pong, badminton dan juga larian ceria.
9. Semoga apa juar yang direncanakan pada hari ini, dapat dilaksanakan dengan jayanya oleh semua yang hadir. Sesungguhnya ia adalah tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

10. Setiap tahun tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan sejak tahun 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-13.
11. Kementerian juga mengekalkan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan sama seperti pada tahun lepas iaitu "**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**". Saya yakin bahawa tema "**Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera**",

**Rakyat Sejahtera”** bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan.

12. Sebanyak 45 program diatur sempena sambutan kali ke-13 Hari Wilayah Persekutuan 2017 yang berlangsung sepanjang bulan Februari. Keistimewaan sambutan pada tahun ini adalah Kementerian banyak memperkenalkan program-program baharu yang berimpak tinggi. Program-program yang disusun turut melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Pastinya program pada tahun ini lebih meriah dan ceria.
13. Untuk makluman semua, saya juga bersyukur kepada Ilahi kerana program pada hari ini dapat direalisasikan dengan hasil usaha dan kerjasama semua pihak. Sekalung penghargaan buat semua yang terlibat terutamanya **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)**, **Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)**, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Belia Dan Sukan Wilayah Persekutuan, Jabatan Penerangan Malaysia Wilayah Persekutuan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA),

**Hospital Kuala Lumpur, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Persatuan Usahawan Food Truck Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputra Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.**

14. Tidak lupa ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penaja kepada program ini seperti **Affin Bank Group, UEM Sunrise, Cyclomotion Sdn. Bhd dan Kinematic Tex + Strong.**
15. Semoga dengan penglibatan dan penajaan daripada semua pihak dapat memupuk semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan ke arah pembentukan suatu koloni masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan cerdas mindanya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

16. Harapan saya agar kerjasama sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.
17. Sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Program Kayuhan Ceria 2017.
18. Adalah diharapkan kesemua program yang diaturkan ini diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya

rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk sama-sama merasai kemeriahinan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

19. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan **WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**. Terima kasih.